



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا


PLATFORM ADUAN PERKHIDMATAN KUALITI MAKANAN DAN MINUMAN DI MEDAN TIGA PERSEKUTUAN

Nur Syamiera Narisya Binti Rohissyam & Nur Husna Binti Hasnan



UiTM Kampus Seremban, 6 Januari 2025 – Exco Pembangunan dan Kebajikan telah menampal QR Platform Aduan Perkhidmatan/Kualiti Makanan Dan Minuman Di Medan Tiga Persekutuan. Selain itu, kami juga telah pergi dari meja ke meja untuk menerangkan kepada mahasiswa tentang tujuan platform ini diadakan.

Untuk memastikan kesejahteraan dan kepuasan semua pihak, pihak pengurusan ingin mengingatkan kepada semua mahasiswa untuk menggunakan Platform Aduan Makanan dan Minuman di Medan sebagai saluran rasmi bagi menyampaikan sebarang maklum balas berkaitan kualiti dan kebersihan makanan dan minuman yang disediakan di medan makan.



Seramai 3 orang JPK iaitu dari Exco Pembangunan dan Kebajikan telah dilibatkan dan juga dibantu seorang JPK dari Exco Multimedia dan Publisiti serta dibantu oleh Sekretariat JPK Exco Pembangunan dan Kebajikan seramai 2 orang. Melalui platform sebegini, diharapkan setiap mahasiswa dapat memberikan maklum balas yang membina untuk meningkatkan mutu perkhidmatan makanan dan minuman di medan makan. Setiap aduan akan diproses dengan teliti dan kerjasama anda amat dihargai.